

TARIKH : 11/1/2023

SURAT KHABAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4



SAIFUDDIN (kanan) dan Sivakumar pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Khas Pengurusan Pekerja Asing di Putrajaya semalam.

– FAISOL MUSTAFA

Kelulusan permohonan pekerja asing dalam 3 hari

PUTRAJAYA – Kerajaan ber-setuju mewujudkan Pelan Ke-longgaran Penggajian Pekerja Asing yang akan membolehkan majikan menggaji pekerja dari 15 negara sumber tanpa perlu melalui prasyarat kelayakan penggajian serta kelayakan kuota.

Menisteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, keputusan itu dibuat dalam satu Mesyuarat Khas Pengurusan Pekerja Asing yang dipengerusikan Perdana Menisteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam.

Bagaimanapun, beliau me-maklumkan, kelonggaran itu tidak bersifat kekal, sebaliknya diperlukan kerana negara berdepan situasi luar jangka bagi memenuhi keperluan pembangunan ekonomi negara.

"Menerusi pelan ini, majikan diberi jaminan kelulusan permohonan dalam tempoh tiga hari, namun ia bersifat bersyarat apabila majikan perlu patuh kepada proses naziran secara berkala.

"Pelan ini berkuat kuasa serta-merta, namun maklumat terperinci mengenai pelaksanaannya akan dimaklumkan

dalam masa terdekat," katanya pada sidang akhbar yang disertai Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar di sini semalam.

Ujar Saifuddin, mesyuarat itu dilaksanakan susulan keputusan Jemaah Menisteri Kerajaan Perpaduan pada 7 dan 21 Disember lalu bertujuan memudah cara kemasukan pekerja asing bagi memacu pertumbuhan ekonomi ke tahap lebih baik pada 2023.

"Dianggarkan ekonomi negara akan meningkat sebanyak 15 peratus daripada KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) sekiranya kemasukan pekerja asing dipercepatkan untuk memenuhi keperluan sektor berkaitan," katanya.

Tambahnya, mesyuarat juga bersetuju dengan pelanjutan pelaksanaan Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) 2.0 khusus untuk Program Rekalibrasi Tenaga Kerja sehingga Disember depan.

Sebelum ini, pelan itu dilaksanakan hingga 31 Disember 2022 dengan pendaftaran PATI seramai 418,649 orang bagi Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dan 295,425 orang bagi Program Rekalibrasi Pulang.